

Konsisten hulurkan bantuan

Al-Qalam bekerjasama dengan pelbagai pihak, beri bantuan termasuk rawatan percuma



Baharudin melakukan rawatan kepada kanak-kanak OKU, Mohd Hanif Imran Azhar, 7 yang menghidap penyakit jantung dan paru-paru.

PUCHONG - Pusat Rawatan Pertubuhan Sentuhan Kasih Al-Qalam Malaysia (Al-Qalam) yang terletak di Kampung Tengah di sini, terus konsisten membantu golongan tidak berkemampuan dan memberi rawatan perubatan alternatif percuma kepada pesakit miskin.

Pengasas Al-Qalam, Datuk Seri Baharudin Abu berkata, program kali ke-24 itu kelmarin dianjurkan dengan kerjasama Team Marhaen Puchong, sukarelawan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) Subang Jaya dan Masjid Kampung Kenangan.

"Lebih 100,000 sudah dibantu menerusi program anjal yang kita lakukan dan ia membabitkan lebih 60,000 penerima dari negara ini manakala selebihnya 40,000 penerima bantuan dari Indonesia.

"Penerima terdiri daripada asnaf, anak yatim, orang kurang upaya (OKU) dan warga emas mendapat bantuan beras dan hamper yang dipilih berdasarkan kelayakan mereka," katanya.

Baharudin berkata, pemilihan penerima bantuan termasuk senarai nama fakir miskin diperoleh berdasarkan bantuan NGO di kawasan berkenaan.

"Biasanya kami berhubung dengan agensi kebajikan setempat, kalau di sini kami berhubung dengan sukarelawan JKJ untuk dapatkan senarai yang layak kami bantu tak kira kaum dan agama.



Sebahagian tetamu jemputan yang hadir ke Program Sentuhan Kasih Aidiladha 2017, di Rumah Sentuhan Kasih Al-Qalam.



Penerima bantuan mendapatkan rawatan perubatan secara percuma daripada Baharudin.

"Bantuan diberikan keperluan, ada yang diberi beras dan hamper dan jika perlu kita beri beras dan duit kerana tak mahu bantuan di-salah guna.

"Penerima kali ini adalah dari sekitar Puchong Permai dan Kampung Tengah. Sebelum ini kita juga beri

bantuan di negeri-negeri lain termasuk di Kelantan, Pahang dan Johor," katanya.

Beliau berkata demikian selepas menyampaikan bantuan beras dan hamper kepada penerima selain memberi rawatan percuma pada Program Sentuhan Kasih Aidiladha 2017 di Rumah Sentuhan Kasih Al-Qalam di sini.

Hadir sama, Ahli Dewan Negara, Senator Azizah Harun; Presiden Persatuan Gabungan NGO-NGO Malaysia, Datuk Seri Jamal Md Yunus; Timbalan Pengarah Majlis Keselamatan Negara (MKN) Selangor, Harun Razuan dan Pengerusi Persatuan Bekas Polis Wilayah Persekutuan, Ahmad Awang.

Tawar pelbagai rawatan

Menurutnya, dana yang di-sumbangkan dalam program itu diperoleh hasil rawatan perubatan dijalankan di Pusat Rawatan

Al-Qalam.

"Di pusat perubatan ini terdapat pelbagai rawatan boleh dilakukan dilakukan termasuk migrain, sakit kaki, kanser dan lumpuh. Saya hanya mengubah yang menyembuhkan ALLAH.

"Matlamat penubuhan Al-Qalam di sini dan cawangan di Indonesia yang mempunyai pengikut lebih 30 juta orang adalah untuk bantu warga emas, fakir miskin, OKU dan anak yatim yang memerlukan," katanya.

Dalam pada itu, Baharudin berkata, pihaknya turut menjalinkan kerjasama dengan Laskar Merah Putih pada 30 Januari lalu bagi mengeratkan hubungan antara dua negara selain menjalin kerjasama dalam program diadakan.

Sementara itu, Azizah Harun dalam ucapannya memberi penerangan berhubung fungsi agensi kebajikan di bawah Kementerian. "Sebenarnya pelbagai bantuan disediakan kerajaan termasuk kepada mereka yang jaga orang sakit. Kalau penuhi syarat, mereka yang layak boleh mohon bantuan disediakan," katanya.

Bagi penerima bantuan, Mariatun Mohd Noor, 60, dia gembira selain menerima bantuan beras dan hamper turut berpeluang mendapat rawatan perubatan percuma di Al-Qalam.

Dia yang menghidap sakit kaki dan sukar berjalan mendakwa badannya terasa ringan selepas mendapat rawatan.

"Alhamdulillah, kaki yang rasa kebas sekarang ni sudah ringan dan senang nak diangkat. Terima kasih Al-Qalam. Sakit yang saya rasa bertahun-tahun dah hilang sedikit," katanya.



Sebahagian daripada penerima yang mendapat bantuan dalam Program Sentuhan Kasih Aidiladha 2017, di Rumah Sentuhan Kasih Al-Qalam.